



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
Bahagian Pendidikan Guru
Teacher Education Division
Aras 2-6, Blok E 13, Kompleks E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel: 03-8884 1144
Faks (Fax): 03-8889 3507
Portal: www.moe.gov.my

"1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN "

Rujukan : KPM.500-1/1/13 (13)
Tarikh : 18 Julai 2017

SEPERTI SENARAI EDARAN

PENGURUSAN PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA MELALUI E-PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM SECARA ONE-OFF BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA LANTIKAN TAHUN 2014 HINGGA 2016 DI PERINGKAT JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

YBhg. Dato'/Datuk/Tuan/ Puan,

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan emel YBhg. Dato' Pengarah BPG kepada semua Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) bertarikh 12 Julai 2017 (Rabu) adalah berkaitan.

2. Seperti yang dimaklumkan, Bahagian Pendidikan Guru (BPG) adalah urus setia kepada Program Transformasi Minda (PTM) melalui E-Pembelajaran Sektor Awam (EPSA) kepada Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) lantikan tahun 2014 hingga 2016 mulai 15 Jun 2017 hingga 30 Jun 2018 secara *one-off*. PTM merupakan syarat pengesahan dalam perkhidmatan penjawat awam selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2012.

3. Tempoh pelaksanaan berdasarkan ketetapan dalam surat siaran daripada Pejabat Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia, Pembangunan Profesionalisme Keguruan dengan nombor rujukan KPM.500-1/1/13 () bertarikh 14 Jun 2017 adalah seperti jadual dibawah:

Jadual 1: Tahun/Tempoh Pelaksanaan PTM

Tahun Lantikan	Tahun/ Tempoh Pelaksanaan	
	2017	2018
2014	15 Jun – 15 Julai 2017	
2015	15 Jun – 31 Nov 2017	
2016	Pilihan 1	Pilihan 2
	15 Jun – 31 Dis 2017	1 Jan – 31 Mac 2018

4. Lanjutan daripada taklimat kepada semua pegawai latihan JPN pada 8 Jun 2017, Bahagian ini mohon kerjasama pihak JPN untuk mengambil tindakan bagi beberapa perkara untuk mengemaskini pengurusan program ini di peringkat JPN berdasarkan **Lampiran 2 : Carta Proses Pelaksanaan PTM Melalui EPSA untuk tujuan Permohonan Pengecualian PTM Bagi Lantikan Tahun 2014 - 2016** seperti yang dilampirkan yang terkandung dalam Garis Panduan Pelaksanaan PTM Melalui EPSA.

5. Sepanjang tempoh pelaksanaan PTM melalui EPSA yang bermula 15 Jun 2017 sehingga 14 Julai 2017, terdapat beberapa isu yang timbul dan memerlukan kerjasama dan perhatian khusus daripada pihak YBhg. Dato'/ Datuk/ tuan/ puan seperti berikut

5.1 Pengesahan Data

- i. Menyemak, mengemaskini dan mengesahkan data PPP lantikan tahun 2014 (berdasarkan emel yang dihantar pada tarikh 12 Julai 2017, Rabu) dan data PPP lantikan 2015 dan 2016 yang akan dihantar melalui emel pada 25 Julai 2017 untuk memastikan tiada berlakunya kecaciran data dan maklumat PPP. Pihak JPN perlu bekerjasama dengan JPN lain untuk menyemak dan mengemaskini data PPP telah berpindah tempat bertugas antara negeri. Pihak JPN juga perlu menyemak dan mengemaskini data PPP yang telah berpindah tempat bertugas dalam negeri masing-masing;

5.2 Masalah Teknikal EPSA

- i. Memaklumkan kepada peserta/PPP yang menghadapi masalah teknikal untuk berhubung terus dengan Helpdesk EPSA secara emel epsaadmin@intanbk.intan.my;

5.3 Pemantauan oleh JPN

- i. Memantau dan memastikan peserta/PPP PTM melalui EPSA memulakan dan menamatkan program mengikut tempoh yang telah ditetapkan (sila rujuk Jadual 1);

5.4 Dokumen Yang Perlu Dihantar ke BPG

- i. Menghantar Borang 2 (Senarai Semak Permohonan Pengecualian PTM) dan Borang 3 (Senarai Warga PPP/PBG Bagi PTM Melalui EPSA) yang lengkap dan telah disahkan.
- ii. Borang 2 dihantar secara *hardcopy* manakala Borang 3 dihantar dalam bentuk *softcopy* dan *hardcopy* (ms excel) ke BPG mengikut pindaan tarikh seperti Jadual 2 di bawah:

Jadual 2: Garis Masa Pelaksanaan PTM

Tahun Lantikan	Laksana PTM EPSA	Perakuan Ketua Jabatan (Institusi Pendidikan)	Serahan Sekolah Kepada Bahagian JPN	Serahan JPN Kepada BPG	Serahan BPG Kepada INTAN	Serahan INTAN Kepada BPG	Serahan BPG Kepada BPSM
2014	15 Jun – 15 Jul 2017	Setelah selesai kursus sepenuhnya	Sebelum/pada 20 Julai 2017	Sebelum/pada 22 Julai 2017	3 hari bekerja	3 hari bekerja	Ogos 2017
2015	15 Jun – 31 Nov 2017	Setelah selesai kursus sepenuhnya	Selewatnya-lewatnya pada 31 Dis 2017	Minggu ke-3 setiap bulan	14 hari bekerja	3 hari bekerja	Nota: Sebulan sebelum Mesyuarat Panel Pengurusan PTM pada bulan berikut: Mac Jun Sept Dis
2016	15 Jun – 31 Dis 2017	Setelah selesai kursus sepenuhnya	Selewatnya-lewatnya pada 31 Jan 2018	Minggu ke-3 setiap bulan	14 hari bekerja	3 hari bekerja	
	1 Jan 2018 – 31 Mac 2018		Selewatnya-lewatnya pada 30 April 2018				

5.5 Penilaian Peserta Bagi Lantikan Tahun 2015 dan 2016 (Lampiran C)

- i. Mengumpul Lampiran C (Instrumen Penilaian Latihan (Peserta) mengikut tahun lantikan PPP,
- ii. Hasil dapatan penilaian daripada Lampiran C dipindahkan ke dalam Hambaran Data (*template*) Instrumen Penilaian PTM Melalui EPSA (*ms excel*) yang telah dimuat naik dalam SPLKPM, dan
- iii. Template yang telah lengkap diisi perlu dihantar ke BPG pada minggu pertama bulan November 2017 kepada shahrizan.rahim@moe.gov.my.

6. Sehubungan dengan itu, Bahagian ini memohon jasa baik pihak YBhg. Dato'/Datuk/tuan/puan untuk mengambil tindakan berkaitan perkara di atas. Kerjasama daripada pihak YBhg. Dato'/Datuk/tuan/puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"SEHATI SEJIWA"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah


(DATO' HAJI MAHMUD BIN KARIM)

Pengarah
Bahagian Pendidikan Guru
Kementerian Pendidikan Malaysia

PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA MELALUI E-
PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM SECARA ONE-OFF BAGI PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
LANTIKAN TAHUN 2014 HINGGA 2016

KPM.500-1/1/13 (13)

Tarikh: 13 Julai 2017

SENARAI EDARAN

1. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Johor
2. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kedah
3. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Kelantan
4. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Melaka
5. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan
6. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pahang
7. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perak
8. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Perlis
9. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang
10. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sabah
11. Pengarah
Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak

PELAKSANAAN PROGRAM TRANSFORMASI MINDA MELALUI E-
PEMBELAJARAN SEKTOR AWAM SECARA ONE-OFF BAGI PEGAWAI
PERKHIDMATAN PENDIDIKAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
LANTIKAN TAHUN 2014 HINGGA 2016

KPM.500-1/1/13 (13)

Tarikh: 18 Julai 2017

12. Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Selangor

13. Pengarah

Jabatan Pendidikan Negeri Terengganu

14. Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

15. Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan

16. Pengarah

Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Putrajaya

CARTA ALIRAN

PROSES PELAKSANAAN PTM MELALUI EPSA UNTUK TUJUAN PERMOHONAN PENGECUALIAN PTM BAGI LANTIKAN TAHUN 2014-2016

